

# Soalan-Soalan Lazim (“FAQs”)

## Status, Hak Dan Tanggungjawab: Apa Yang Berlaku Apabila Pasangan Memeluk Islam

Oleh:

**The Joint Action Group For Gender Equality (JAG)**

13 April 2007



All Women's Action Society  
(AWAM)



Malaysian Trades Union Congress  
- Women's Committee (MTUC)



Sisters In Islam (SIS)



Women's Aid Organisation  
(WAO)



Women's Centre For  
Change, Penang (WCC)



Women's Development  
Collective (WDC)

The Joint Action Group for Gender Equality (JAG)<sup>1</sup> terlibat dalam isu-isu keganasan terhadap wanita dan hak sama rata gender lebih dari 20 tahun. Antara isu-isu yang ditangani ialah perlindungan hak-hak dalam sesebuah keluarga.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa kejadian telah menimbulkan kontroversi di negara ini berkaitan dengan kekeluargaan, perhubungan antara agama dan Perlembagaan Persekutuan. Isu yang paling mendapat perhatian berkenaan pemelukan agama Islam salah seorang daripada ahli keluarga, yang menimbulkan persoalan hak-hak kedua-dua pasangan Islam dan bukan Islam yang kurang jelas di bawah undang-undang.

Pada tahun 2006, wakil daripada Jabatan Peguam Negara telah membuat pengumuman di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bahawa mereka sedang mengkaji untuk membuat pindaan terhadap Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1974 (“Akta tersebut”). Antara isu-isu pindaan ialah memberi perhatian kepada hak dan tanggungjawab sesebuah keluarga apabila berlakunya pertukaran agama salah seorang daripada ahli keluarga<sup>2</sup>.

Keputusan-keputusan mahkamah mengenai isu ini adalah mengelirukan. Ini mewujudkan ketidakpastian di kalangan masyarakat dan menyebabkan berlakunya pertelingkahan dalam keluarga mengenai isu ini. Diharap bahawa Yang Berhormat ahli-ahli Kabinet dan Parlimen akan menitikberatkan faktor-faktor berikut apabila membuat sebarang pindaan terhadap Akta tersebut:

- Keluarga adalah paling penting bagi seseorang individu;
- Oleh itu, tiada yang lebih memberi tekanan terhadap seseorang daripada melihat keluarganya hancur;
- Objektif undang-undang adalah memberikan keadilan dan mengurangkan tekanan emosi akibat masalah tersebut; dan
- Undang-undang yang digubal seharusnya mewujudkan keyakinan dalam masyarakat. Masyarakat seharusnya tidak merasa dipinggirkan dan tidak sepatutnya timbul persepsi kecenderungan kepada sebelah pihak sahaja dalam sesebuah undang-undang. Hanya apabila keadaan ini wujud, masyarakat akan merujuk kepada mahkamah untuk mencari perlindungan dan keadilan.

Yang Berhormat, sebagai penggubal undang-undang, kehidupan dan kebahagiaan masyarakat Malaysia terletak di tangan Yang Berhormat. Yang Berhormat mempunyai kewajipan dan tanggungjawab untuk memastikan Perlembagaan Persekutuan kekal sebagai undang-undang teragung negara ini, dan undang-undang lain haruslah mematuhiinya. Yang Berhormat juga mempunyai kewajipan dan tanggungjawab untuk menggubal undang-undang yang membenarkan masyarakat melaksanakan hak-hak perlembagaan mereka dan untuk hidup bebas dan selamat sebagai individu dan keluarga.

---

<sup>1</sup> Dahulu dikenali sebagai “Joint Action Group Against Violence Against Women”. Ahli-ahli masih sama iaitu: All Women’s Action Society (AWAM), Malaysian Trades Union Congress – Women’s Committee (MTUC), Sisters In Islam (SIS), Women’s Aid Organisation (WAO), Women’s Centre For Change, Penang (WCC) dan Women’s Development Collective (WDC).

<sup>2</sup> Perenggan 37 ringkasan laporan dialog antara Kerajaan Malaysia dan Jawatankuasa CEDAW, 24 Mei 2006, pada sesi ke-35 Penilaian Jawatankuasa CEDAW terhadap Laporan Berkala Pertama dan Kedua Kerajaan Malaysia berkenaan CEDAW (“United Nations Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women”) (CEDAW/C/SR. 732).

**1. Apakah isu-isu yang timbul apabila salah seorang ahli keluarga bukan Islam memeluk agama Islam ?**

Isu-isu tersebut termasuklah:

- i. Taraf perkahwinannya yang didaftarkan di bawah undang-undang sivil (“perkahwinan sivil”)
- ii. Perceraian
- iii. Nafkah
- iv. Pembahagian harta
- v. Hak jagaan (“custody”) dan penjagaan (“guardianship”) anak
- vi. Warisan harta pusaka

**2. Adakah perkahwinan sivil akan terubur dengan sendirinya secara automatik apabila salah seorang daripada pasangan memeluk agama Islam?**

Tidak. Perkahwinan sivil tidak akan terubur hanya dengan salah seorang daripada pasangan memeluk agama Islam. Hanya Mahkamah Sivil boleh membubarkan perkahwinan tersebut, bukannya Mahkamah Syariah.

**3. Di bawah undang-undang sivil, siapakah yang boleh membuat petisyen untuk perceraian?**

Di bawah undang-undang sivil, hanya pihak yang tidak menukar agama boleh memohon perceraian. Undang-undang ini harus dipinda untuk membenarkan permohonan perceraian dilakukan sama ada oleh pihak yang tidak menukar agama atau pihak yang telah memeluk agama Islam.

**4. Apakah yang akan berlaku jika pihak yang tidak menukar agama tidak memohon perceraian?**

Perkahwinan sivil tersebut kekal.

**5. Undang-undang manakah yang akan dirujuk apabila perkahwinan sivil menemui kegagalan akibat satu pihak yang menukar agama?**

Undang-undang sivil tetap akan digunakan sebagai rujukan kerana perkahwinan tersebut didaftarkan di bawah undang-undang sivil. Oleh itu, isu-isu perceraian, nafkah, hak jagaan (“custody”) dan penjagaan (“guardianship”) anak-anak dan pembahagian harta mestilah diputuskan mengikut undang-undang sivil.

**6. Bolehkah suami atau isteri yang tidak menukar agama memohon perceraian dengan segera?**

Tidak boleh. Petisyen untuk perceraian hanya boleh difailkan selepas 3 bulan dari tarikh penukaran agama.

**7. Dari segi undang-undang, adakah sesiapa dikehendaki memberitahu ahli keluarga orang yang menukar agama tentang penukaran agamanya?**

Tidak perlu. Walaubagaimanapun, orang yang telah memeluk Islam itu, sepatutnya dikehendaki dari segi undang-undang untuk memberitahu pasangannya (jika telah berkahwin) dan ahli keluarganya tentang penukaran agamanya.

Pihak berkuasa agama sepatutnya dikehendaki dari segi undang-undang memastikan ahli keluarga orang yang telah memeluk Islam itu diberitahu dengan segera apabila berlaku pertukaran agama.

**8. Apabila suami atau isteri memeluk agama Islam, adakah kejadian ini akan menjejaskan hak dan tanggungjawab pasangan suami isteri tersebut di bawah undang-undang sivil?**

Tidak. Hak dan tanggungjawab pasangan suami isteri adalah kekal seperti apa yang termaktub di bawah undang-undang sivil. Sebagai contoh, jika suami memeluk Islam, dia masih perlu menyara keluarganya dari segi kewangan.

**9. Kenapakah hak dan tanggungjawab pasangan suami isteri perlu dikekalkan mengikut seperti apa yang termaktub di bawah undang-undang sivil?**

Apabila berkahwin di bawah undang-undang sivil, pasangan suami isteri tersebut telah bersetuju dengan berbagai hak dan tanggungjawab. Salah seorang daripada pasangan suami isteri tersebut tidak harus dibenarkan mengubah terma-terma yang terdapat dalam kontrak perkahwinan tanpa persetujuan pasangannya.

**10. Apakah yang boleh dituntut oleh isteri yang tidak menukar agama ketika berlakunya perceraian?**

Dia boleh menuntut:

- i) Nafkah untuk diri sendiri dan untuk anak-anak;
- ii) Hak jagaan dan penjagaan anak-anak; dan
- iii) Pembahagian harta sepencarian.

**11. Adakah benar, disebabkan suaminya telah menukar agama, seseorang isteri itu hanya layak untuk mendapat nafkah selama 3 bulan sahaja selepas bercerai ?**

Tidak benar. Kebanyakan suami yang telah menukar agama berpendapat sedemikian kerana di bawah enakmen undang-undang Islam negeri yang terpakai jika suami **dan** isteri beragama Islam, suami hanya perlu menyediakan tempat kediaman dan memberi nafkah kepada isterinya selama 3 bulan sahaja selepas perceraian.

Walaubagaimanapun, Mahkamah Sivil secara konsisten telah mengenyahkan hujah tersebut kerana undang-undang sivil tetap akan digunakan selagi salah seorang daripada pasangan suami isteri tersebut bukan beragama Islam<sup>3</sup>.

---

<sup>3</sup> *Tan Sung Mooi v Too Miew Kim* [1994] 3 MLJ 121 (Supreme Court); *L Ganesan v A Letchimidevi* seperti yang dilaporkan dalam *The New Straits Times* pada 14.2.2007 (keputusan Mahkamah Rayuan).

**12. Berapa lamakah tempoh seseorang isteri yang tidak menukar agama layak untuk mendapat nafkah?**

Secara amnya, dia layak untuk mendapat nafkah sehingga dia berkahwin lagi atau meninggal dunia.

**13. Jika isteri telah menukar agama, adakah suaminya yang kurang upaya layak untuk memohon nafkah?**

Ya, boleh. Di bawah undang-undang sivil, mahkamah boleh mengarahkan isteri yang telah menukar agama untuk membayar nafkah kepada suaminya yang tidak mempunyai keupayaan dari segi fizikal dan mental untuk bekerja. Ini berbeza daripada enakmen undang-undang Islam negeri, di mana isteri yang beragama Islam tidak perlu membayar nafkah kepada suami yang beragama Islam.

**14. Apakah perbezaan di antara hak jagaan dan penjagaan anak-anak?**

Penjagaan (“guardianship”) ialah hak dari segi undang-undang untuk membuat keputusan jangka panjang yang berkaitan dengan anak-anak, contohnya kebajikan, pendidikan dan agama mereka. Hak jagaan (“custody”) pula berkaitan dengan asuhan harian anak-anak.

**15. Apabila salah seorang daripada ibubapa telah menukar agama, siapakah yang layak mendapat hak jagaan anak-anak?**

Pihak yang dapat memberikan penjagaan terbaik seharusnya mendapat hak jagaan anak-anak. Kepentingan terbaik anak-anak adalah faktor penentu utama.

Penukaran agama tidak seharusnya menjadi faktor penentu mengenai siapa yang layak mendapat hak jagaan anak-anak. Kejadian baru-baru ini menyaksikan Hakim Faiza Tamby Chik memberikan hak jagaan anak-anak yang telah memeluk Islam kepada ibu mereka yang tidak menukar agama<sup>4</sup>.

**16. Apabila ibubapa telah menukar agama, siapakah penjaga (“guardian”) anak-anak?**

Di bawah undang-undang sivil<sup>5</sup>, kedua ibubapa merupakan penjaga bersama (“equal guardians”). Penukaran agama salah satu pihak tidak akan mengubah keadaan tersebut. Menjadi penjaga bersama bermaksud kedua ibubapa mestilah mencapai persetujuan bersama apabila membuat keputusan-keputusan penting, termasuklah berkaitan dengan agama anak-anak<sup>6</sup>.

---

<sup>4</sup> *Shamala Sathiyaseelan v Dr Jeyaganesh C Mogarajah* [2004] 3 CLJ 519 (tertakluk kepada rayuan di Mahkamah Rayuan).

<sup>5</sup> Seksyen 5, Akta Penjagaan Budak 1961.

<sup>6</sup> Perkara 12(4), Perlembagaan Persekutuan.

**17. Bolehkah ibu atau bapa yang telah menukar agama, menukar agama anak-anaknya tanpa kebenaran pihak yang tidak menukar agama?**

Tidak boleh. Walaubagaimanapun, keputusan-keputusan yang dibuat oleh mahkamah baru-baru ini telah menimbulkan kekeliruan<sup>7</sup>.

Dengan hanya membiarkan ibu atau bapa yang telah menukar agama sahaja membuat keputusan tentang agama anak-anaknya, bermakna menafikan hak ibu atau bapa yang tidak menukar agama terhadap hak penjagaan anak bersama.

**18. Adakah terdapat cara untuk memastikan persetujuan kedua ibubapa tercapai berhubung dengan penukaran agama anak-anak?**

Ya. Enakmen undang-undang Islam negeri sepatutnya menghormati hak penjagaan bersama (“equal and joint rights”) ibubapa terhadap anak-anak. Enakmen tersebut tidak harus membenarkan agama anak-anak ditukar tanpa persetujuan kedua ibubapa<sup>8</sup>.

**19. Apakah isu-isu yang mungkin timbul jika hanya satu pihak saja dibenarkan membuat keputusan untuk menukar agama anak-anak kepada agama Islam?**

Salah satu isu yang timbul ialah hak penjagaan bersama pihak yang lain telah dinafikan. Isu lain termasuklah, masalah yang akan timbul jika anak-anak tersebut membuat keputusan untuk menganuti agama lain apabila mereka telah dewasa kelak.

**20. Apakah yang akan berlaku jika ibubapa tidak mencapai persetujuan bersama berkaitan dengan agama anak-anaknya?**

Jika demikian, anak-anak itu sendiri mesti menentukan agama yang ingin dianuti apabila mencapai usia 18 tahun. Sebelum mencapai usia itu, penukaran agama tidak perlu dilakukan.

**21. Siapakah yang bertanggungjawab membayar nafkah anak-anak?**

Mahkamah sivil boleh mengarahkan sama ada ibu atau bapa untuk membayar nafkah kepada anak-anak. Apabila anak-anak tersebut telah meningkat dewasa, pembayaran nafkah boleh diubah mengikut keperluan mereka.

**22. Adakah ibu atau bapa yang telah menukar agama perlu menyara anaknya yang dilahirkan di luar nikah (“illegitimate children”)?**

Ya. Status anak dan penukaran agama tidak akan menjejaskan pembayaran nafkah terhadap anak-anak. Nafkah tetap perlu dibayar selagi anak-anak tersebut berusia 18 tahun ke bawah dan memerlukan bantuan kewangan.

---

<sup>7</sup> Rujuk kes *Shamala a/p Sathiyaseelan v Jeyaganesh a/l C. Mogarajah* [2004] 2 CLJ 416, berbanding dengan *Chang Ah Mee v Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Majlis Ugama Islam Sabah & Ors* [2003] 5 MLJ 106.

<sup>8</sup> Seksyen 117 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) menyatakan: “Seseorang yang tidak beragama Islam boleh memeluk agama Islam ... (b) jika dia belum mencapai umur lapan belas tahun, ibu dan bapa atau penjaganya mengizinkan pemelukan agama Islam olehnya.” (penekanan ditambah).

**23. Mahkamah manakah yang mempunyai bidang kuasa ke atas perbalahan keluarga apabila salah seorang daripada pasangan suami isteri memeluk Islam?**

Hanya mahkamah sivil sahaja yang mempunyai bidang kuasa untuk membuat keputusan kerana perkahwinan itu didaftarkan di bawah undang-undang sivil.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa kes baru-baru ini yang mencadangkan supaya pasangan yang tidak menukar agama mencari perlindungan melalui mahkamah Syariah kerana mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa terhadap kes-kes tersebut. Keputusan-keputusan ini telah menimbulkan kekeliruan.

**24. Kenapakah keputusan-keputusan dalam kes-kes seperti ini menimbulkan masalah?**

Masalah timbul kerana pihak yang tidak menukar agama tidak dapat menuntut keadilan daripada mana-mana mahkamah. Ini kerana keputusan mahkamah baru-baru ini telah menyatakan bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa terhadap kes-kes tersebut manakala dalam Perlembagaan Persekutuan dinyatakan dengan jelas bahawa mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa terhadap orang-orang Islam.

**25. Apakah Perlembagaan Persekutuan?**

Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi di negara ini. Ini bermakna, semua undang-undang dan semua rakyat Malaysia mesti mematuhi.

Disebabkan inilah, “Keluhuran Perlembagaan” dijadikan prinsip Rukun Negara, malah ahli-ahli parlimen dan semua hakim di Malaysia telah mengangkat sumpah untuk mendukung prinsip ini.

**26. Apabila seseorang telah memeluk Islam, adakah hak pewaris hartanya yang tidak menukar agama akan terjejas?**

Ya. Pewaris yang bukan beragama Islam tidak boleh mewarisi harta mengikut undang-undang sivil kerana seksyen 2, Akta Pembahagian 1958 menyatakan bahawa Akta ini tidak terpakai ke atas harta pusaka orang yang telah memeluk Islam.

Jika seseorang yang telah menukar agama meninggal dunia tanpa wasiat, pewaris harta yang tidak menukar agama tidak boleh mewarisi harta mengikut sistem faraid<sup>9</sup> kerana, seseorang yang bukan beragama Islam hanya boleh mewarisi harta jika adanya wasiat. Namun, mereka hanya boleh mewarisi satu pertiga daripada harta pusaka tersebut.

Contohnya, ibubapa yang bukan beragama Islam hanya boleh mewarisi harta anak-anak jika ada wasiat. Oleh itu, amat penting untuk menjaga hak pewaris supaya dia tetap boleh mewarisi harta tanpa mengira agama yang dianutinya. Pada dasarnya, setiap agama menggalakkan kita supaya menjaga kebajikan keluarga masing-masing.

---

<sup>9</sup> Prinsip pembahagian harta mengikut Islam.

**27. Adakah pewaris yang tidak menukar agama boleh mewarisi harta jika dia telah dijadikan penama bagi polisi insurans dan KWSP oleh orang yang telah menukar agama?**

Tidak boleh. Mengikut undang-undang, KWSP dan polisi insurans seseorang yang telah menukar agama kepada Islam mestilah dibahagikan mengikut hukum faraid.

Undang-undang ini mestilah dipinda supaya orang yang tidak menukar agama layak mewarisi harta orang yang telah menukar agama.

**Untuk maklumat yang lebih terperinci, sila rujuk memorandum kami bertajuk “Safeguard Rights Of Wives And Children Upon Conversion Of Husbands To Islam” (“Lindungi Hak-Hak Isteri dan Anak-Anak Apabila Suami Memeluk Islam”).**